



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 11 APRIL 2023**

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|------------|--|--|
| 1. 2. | DUIT RAYA DARI KERAJAAN, RAHMAT BUAT NELAYAN, SARAWAK VOICE -ONLINE FISHERMEN HAPPY TO RECEIVE RM200 AID, NATION, CHINA PRESS -A5 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 3. | DEPT: PUFFER FISH NOT A POPULAR FOOD IN M'SIA, NATION, THE STAR -5 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 4. 5. | AGROBANK RAIKAN ASNAF, ANAK YATIM, TAHFIZ DI KOTA KINABALU, NIAGA, KOSMO -38 AGROBANK RAI ASNAF SABAH, NASIONAL, SH -18 | AGROBANK |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|---------------|---------|------------|
| 11/4/2023 | SARAWAK VOICE | ONLINE | |

Duit raya dari kerajaan, rahmat buat nelayan



Sumber: BERNAMA

TANJONG KARANG: Nelayan yang pendapatannya tidak menentu dan hanya bergantung kepada keadaan cuaca untuk mencari rezeki menyifatkan inisiatif kerajaan menawarkan Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri sebanyak RM200 sebagai rahmat buat mereka.

Penerima bantuan, Jamsari Ramsah, 44, berkata bantuan ini memperlihatkan keprihatinan kerajaan khususnya Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) terhadap golongan nelayan yang tidak mempunyai pendapatan tetap.

“Dengan adanya bantuan ini sedikit sebanyak dapat membantu saya dalam membuat persiapan sambutan Aidilfitri buat keluarga kecil saya.

Walaupun jumlahnya tidaklah sebesar mana namun ia cukup bernilai buat kami.

Saya juga berharap agar kerajaan meneruskan inisiatif baik ini,” kata nelayan laut itu ketika ditemui Bernama di Agrobank di sini semalam semasa mengambil peruntukan berkenaan.

Pandangan tersebut turut disokong rakannya, Razak Yusoff, 66, yang menyifatkan sambutan perayaan kali ini lebih meriah berbanding tahun sebelumnya.

“Pendapatan kami tak tetap, kadang ada kadang tiada, macam semalam turun ke laut hanya dapat RM95 sahaja, pernah juga langsung tidak ada hasil.

Usaha kerajaan ini sangat baik,” katanya yang telah menjadi nelayan sejak 40 tahun lepas.

Pada 29 Mac lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika mengumumkan khabar gembira itu berkata, bantuan berkenaan bakal memberi manfaat kepada 850,000 pekebun kecil getah, pesawah dan nelayan yang menelan belanja RM170 juta.

Pemberian bantuan khas itu bernilai RM200 secara sekali beri kepada nelayan dan pesawah dijangka akan dapat memanfaatkan seramai kira-kira 38,500 orang nelayan dan 240,000 orang pesawah di seluruh negara.

Bagi Muhammad Nor Hafiz Azisis, 32, serta Halim Dan, 55 masing-masing merupakan nelayan darat, berharap jumlah bantuan khas itu dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa bersesuaian dengan trend kos sara hidup semakin meningkat.

Tambahan pula, kata Muhammad Nor Hafiz nelayan darat tidak mendapat keistimewaan seperti nelayan laut contohnya subsidi minyak.

“Bantuan khas seperti ini cukup membahagiakan kami.

Berharap kebajikan kami terus dibela kerajaan,” katanya sebagai nelayan darat mereka hanya memfokuskan di kawasan sungai.

Bayaran kepada nelayan laut disalurkan menerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan nelayan darat menerusi Jabatan Perikanan Malaysia (DOF). – BERNAMA

| | | | |
|------------|--------------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Fishermen happy to receive RM200 aid | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 11 Apr 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A5 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 179 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,531 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 10,593 |



收入不穩 · 生活費漲 200援金如漁民甘露

(丹絨加弄10日訊) 出海捕魚的收入不穩定，加上生活費一直上漲，丹絨加弄漁民視一次性200令吉開齋節特別援助金如一場及時雨。

農業及食品安全部日前宣布，為24萬名稻農和3萬8500名漁民提供的一次性200令吉開齋節特別援助金，即日起開始發放。

據《馬新社》，漁民今日收到援助金後都感到很开心，認為這筆錢能讓他們為開齋節做準備。

漁民占沙里（44歲）指出，這筆援助金雖然不是多，但或

多或少能讓他為家里妻小準備開齋節的應節用品。

“我希望政府繼續這種有意義的惠民政策。”

從事漁民工作40年的拉薩尤索夫（66歲）指出，漁民的收入不穩定，就如昨日出海一天只賺到95令吉，有時候甚至沒有收獲。

他感謝政府的援助金，讓他今年的開齋節過得比去年好。

另外，一名內陸漁民（Nelayan Darat）莫哈末諾哈菲茲（32歲）形容這筆援助金讓他們很开心，希望政府能夠繼續關注他們的福利。



■丹絨加弄漁民開心領取200令吉開齋節特別援助金。左起為拉薩尤索夫、占沙里和莫哈末諾哈菲茲。

Dept: Puffer fish not a popular food in M'sia

By **MOHD FARHAAN SHAH**
farhaan@thestar.com.my

JOHOR BARU: Puffer fish does not always end up on the dining table, some are kept in aquariums as ornamental fish.

Johor Fisheries Department director Zainudin Abdul Wahab said the fish, which contains deadly toxins, was not a popular food among Malaysians.

"Local fishermen will throw it back into the sea if the fish is caught in their nets, especially if it is dead; it has no value.

"Puffer fish can be found not only in Malaysian waters but throughout the world, which is why we do not export it to foreign countries such as Japan," he said.

Zainudin said in the Land of the Rising Sun, the lethal puffer - which is known as fugu - is a luxury delicacy, but it must be prepared by trained and certified chefs.

"This fish must be handled properly to make sure it is not harmful for human consumption," he added yesterday.

He said there were ornamental

fish lovers who kept puffers in their aquariums.

"People can buy puffer fish at shops selling ornamental fish. However, the sellers must have a licence to sell such a poisonous fish," he added.

Zainudin said the department had been taking proactive measures to create awareness among the people, alerting them on the danger of consuming puffer fish.

Apart from using social media platforms to reach out to the public, he said officers from the department had also been meet-

ing fishermen on this matter.

Asked if the department would carry out its own investigation into the tragic deaths of an elderly couple who died after consuming puffer fish, Zainudin said they would allow the Health Department to complete their probe first before making any further decision.

On Saturday, Eng Kuai Sin @ Ng Chuan Sing, 84, died after fighting for his life at the hospital for two weeks while his wife Lim Siew Guan, 83, died several hours after they ate the fish on March 25.



TENGGU AHMAD BADLI (Kiri) beramah mesra dengan salah seorang kanak-kanak penerima sumbangan di Kota Kinabalu baru-baru ini.

Agrobank raikan asnaf, anak yatim, tahfiz di Kota Kinabalu

PETALING JAYA – Agrobank telah menyantuni lebih 60 tetamu istimewa terdiri daripada golongan asnaf dalam majlis berbuka puasa di sebuah hotel di Kota Kinabalu, Sabah baru-baru ini.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, majlis tersebut bertujuan untuk meraikan golongan

yang kurang berkemampuan itu dalam bulan Ramadan selain mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara kakitangan bank dengan tetamu istimewa itu.

Mereka yang diraikan terdiri daripada anak-anak Rumah Kesayangan Sabah dan juga Pusat Tahfiz Ar-Rahmah yang turut menerima sumbangan wang tunai berjumlah RM5,000 sebagai

membantu kos penyelenggaraan operasi di premis masing-masing.

Selain itu, golongan asnaf pula menerima duit raya yang kesemuanya berjumlah hampir RM10,000.

Turut hadir pada majlis tersebut adalah Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Chan Foong Hin.

Agrobank rai asnaf Sabah



Tengku Ahmad Badli Shah (kiri) menyerahkan sumbangan kepada wakil Pusat Tahfiz Ar Rahmah (kanan) disaksikan oleh Foong Hin di Kota Kinabalu pada Ahad.

SHAH ALAM - Agrobank merayakan dan menyantuni 60 asnaf sempena Ramadan dan Syawal pada Majlis Iftar Agrobank Bersama Asnaf Sabah yang diadakan di sebuah hotel di Kota Kinabalu, Sabah pada Ahad.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, program itu dapat mengeratkan perasaan kasih sayang dan memupuk tali persaudaraan sesama Muslim sejajar prinsip tanggungjawab sosial korporatnya.

"Golongan asnaf ini tidak wajar ketinggalan dalam merayakan keistimewaan bulan mulia Ramadan mahupun kemeriahan Aidilfitri seperti orang lain," katanya dalam satu kenyataan.

Majlis itu juga dihadiri Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Chan Foong Hin.

Tengku Ahmad Badli Shah berkata,

selain majlis terbuka puasa, Agrobank turut menyampaikan sumbangan wang tunai berjumlah RM5,000 kepada Rumah Anak Kesayangan Sabah dan pusat Tahfiz Ar Rahmah untuk membantu kos penyelenggaraan operasi masing-masing.

"Golongan asnaf yang hadir juga menerima duit raya hampir RM10,000 secara keseluruhan," katanya.

Pada majlis sama, Agrobank turut memaparkan tayangan perdana drama pendek Aidifitri bertajuk *Lebaran Yang Dirindukan*.

Drama pendek itu mengangkat tema hubungan kekeluargaan selain elemen Keterjaminan Makanan turut diselitkan.

Ia dapat ditonton melalui media sosial rasmi Agrobank iaitu di YouTube - Agrobank TV; Facebook - Agrobank dan Instagram - @agrobankmy bermula 11 April.